



KPWKM

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
MERANGKAP PENERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YKN**

PROGRAM

MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT RAKAN STRATEGIK YKN

LOKASI / TARIKH / MASA

**DATARAN SADIMAN, BUKIT CHANGGANG, BANTING
16 APRIL 2021 / 11:00 AM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Prihatin

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya jua, saya dikurniakan **Kekuatan, Kesihatan dan Kesempatan** untuk hadir ke **Majlis Penyerahan Zakat Rakan Strategik YKN pada pagi Jumaat yang penuh barakah lagi mulia ini.**
2. Hari ini merupakan **Ramadan ke-Empat.** Rasanya belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan Al-Mubarak dan Selamat Menjalani Ibadah Puasa.
3. Sesungguhnya **Rukun Islam ada Lima (5) perkara. Berpuasa pada Bulan Ramadan merupakan Rukun Islam yang ke-Tiga, dan**

Menyempurnakan Zakat merupakan Rukun Islam ke-Empat. Maka sama-samalah kita berdoa semoga perhimpunan kita pada hari Jumaat, penghulu segala hari ini, ditambah pula dengan ibadah puasa dan penyerahan zakat yang kita sedang lakukan, mendapat keberkatan berganda dari Allah SWT buat semua. Insya-Allah.

(B) ZAKAT SEBAGAI INSTRUMEN KESEJAHTERAAN UMMAH

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi sekalian,

4. **Zakat merupakan satu kaedah ekonomi terpenting** dalam pandangan hidup islam. Di dalam rukun Islam, **membayar zakat diletakkan sebagai salah satu kriteria yang mencirikan seseorang individu itu sebagai muslim yang mengamalkan agamanya.**

5. Betapa pentingnya zakat sebagai satu bentuk kaedah ekonomi Islam dibuktikan apabila Khalifah Abu Bakar As Siddiq melancarkan gerakan memerangi golongan murtad yang enggan membayar zakat selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.

6. Pada hari ini, kesedaran terhadap membayar zakat adalah semakin meluas di kalangan umat Islam, termasuklah di sektor swasta, perniagaan dan korporat. Kita dapat lihat menerusi media bahawa banyak institusi kewangan, syarikat di sektor swasta serta badan-badan korporat yang memastikan zakat perniagaan dibayar terlebih dahulu sebelum mereka mengumumkan pendapatan bagi tahun kewangan mereka.

7. Ini membuktikan bahawa zakat terus dilihat sebagai kewajipan penting yang perlu dilunaskan. Di samping itu, usaha-usaha ini perlu terus diketengah dan diwar-warkan bukan dengan tujuan menunjuk-nunjuk, sebaliknya untuk memberi kesedaran, motivasi dan iktibar kepada lebih ramai pihak untuk membayar zakat.

8. Sebagai umat Islam, kita dididik untuk menguruskan harta dan kekayaan hanya sebagai instrumen untuk mencari keredhaan Allah SWT. Harta dan kekayaan bukanlah matlamat akhir di dalam kehidupan. Membayar zakat bererti kita mempunyai kesedaran dan “KEPEDULIAN SOSIAL” untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan seterusnya membentuk kesejahteraan Ummah apabila yang susah dibantu, yang lemah terus disantuni.

(C) **KOMITMEN SEBAGAI PEMIMPIN DALAM MEMBELA NASIB ASNAF**

Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya kasihi sekalian,

9. Dalam bulan Ramadan yang mulia ini, suka saya mengajak anda menyingkap Sejarah Islam yang menginsafkan kita akan peri pentingnya zakat dalam kesejahteraan Ummah.
10. Dalam sejarah Islam tercatat bagaimana **Khalifah Umar Al-Khattab** setelah diangkat menjadi Khalifah Islam telah melaksanakan **pemerintahan yang mengutamakan kebajikan rakyat yang Miskin.**
11. Dalam satu peristiwa, **Baginda telah keluar rumah, pada waktu malam untuk melihat sendiri keadaan rakyatnya dan akhirnya Baginda**

terjumpa satu keluarga Ibu Tunggal dan anak-anaknya yang kelaparan.

12. Baginda melihat sendiri si Ibu memasak batu agar anak-anaknya berhenti menangis kerana menyangka Ibu mereka memasak makanan untuk mereka sehinggalah mereka tertidur.
13. Melihat keadaan ini, Khalifah Umar berasa terharu dan bergegas pulang ke gudang gandum dan mengambil sekarung Gandum lalu membawanya sendiri kepada Ibu Miskin berkenaan.

14. Kisah taudalan dari sejarah Islam ini juga sentiasa **menjadi pedoman kepada saya sebagai pemimpin untuk menjalankan tanggungjawab kepada golongan Asnaf dengan sempurna.**

15. Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **keperitan hidup dan kepayahan golongan Asnaf amat dekat di hati saya.** Menyedari hakikat ini, saya yang juga merupakan Pengerusi kepada Yayasan Kebajikan Negara Malaysia akan **memastikan YKN dapat menjalankan fungsinya dengan baik dalam menyalurkan bantuan-bantuan serta agihan zakat yang diterima kepada golongan yang layak sebaiknya.**

16. Menzahirkan komitmen ini, **saya amat teruja untuk mengagihkan dana zakat yang dapat saya kumpulkan menerusi rakan-rakan strategik YKN sebentar lagi.**

(D) AGIHAN ZAKAT UNTUK GOLONGAN ASNAF

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

17. Sesungguhnya rasa tanggungjawab saya kepada golongan asnaf **tidak pernah berbelah bagi**, malah menjadi agenda utama dalam misi bantuan yang saya usahakan bagi membantu golongan ini. Alhamdulillah, berkat kolaborasi strategik dengan syarikat korporat dan swasta, **YKN tidak putus-putus menerima sumbangan buat kumpulan sasar Kementerian yang memerlukan.**

18. Insya-Allah pada hari ini, saya akan menyampaikan agihan zakat perniagaan daripada rakan strategik YKN kepada 250 orang asnaf yang telah dikenalpasti di sekitar Bukit Changgang ini.

19. Harapan saya, dengan wang zakat yang akan Tuan-Tuan Dan Puan-Puan terima, dapatlah membantu mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

20. Saya turut berharap dengan duit zakat yang diterima, dapatlah Tuan-Tuan dan Puan-Puan menyediakan keperluan sepanjang Ramadan, mahupun persediaan bagi menyambut Aidilfitri kelak.

(E) **INISIATIF KENAIKAN BANTUAN YANG DIUSAHAKAN OLEH KERAJAAN PERIKATAN NASIONAL**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

21. Keprihatinan Kerajaan kepada nasib Asnaf, bukanlah sekadar memastikan pengagihan wang-wang zakat dilaksanakan dengan teratur, malah **keprihatinan ini diterjemahkan dengan kenaikan bantuan-bantuan bulanan kepada kumpulan sasar.**
22. Menerusi Belanjawan 2021, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar bantuan kebajikan bulanan seperti berikut:

(i) **KENAIKAN BANTUAN OKU:**

Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dinaikkan daripada **RM250 kepada RM300** dan memberi manfaat kepada 84,000 penerima;

Kadar Elaun Pekerja OKU dinaikkan daripada RM400 kepada RM450 dan memberi manfaat kepada 88,000 penerima; dan

Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 yang memanfaatkan seramai 27,753 penerima.

- (ii) **KADAR BANTUAN ORANG TUA** turut dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan yang akan memanfaatkan seramai 136,240 penerima.

- (iii) **KADAR BANTUAN KANAK-KANAK** Keluarga Miskin daripada RM100 seorang anak dengan maksimum **RM450** **sekeluarga**, dinaikkan kepada **RM150** bagi seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun atau **RM200** bagi seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga yang akan memanfaatkan seramai **63,000** penerima.

23. Justeru, sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, **saya amat mengalu-alukan keluarga-keluarga asnaf di hadapan saya untuk memohon bantuan-bantuan yang disediakan oleh Kerajaan mengikut syarat yang telah ditetapkan.** Kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat komited dalam membantu urusan permohonan ini, dan permohonan yang layak akan disegerakan penyaluran bantuan yang berkaitan.
24. Sesungguhnya **kemiskinan bukanlah untuk diwarisi.** Kerajaan juga komited merencanakan pelbagai program untuk membantu golongan B-40 untuk keluar dari belunggu kemiskinan.
25. Saya turut mendoakan semoga Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang berada di hadapan saya ini pada suatu hari nanti juga **dapat mengubah nasib**

daripada penerima zakat kepada pemberi zakat. Ingatlah, **tiada siapa yang boleh mengubah nasib kita, melain kita sendiri yang mengubahnya.** Insya-Allah Kerajaan akan sentiasa bersama-sama dengan Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam menjayakan apa jua yang akan diusahakan dalam mengubah nasib dan kehidupan Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

(F) HARAPAN KERAJAAN PERIKATAN NASIONAL

26. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi **menzahirkan komitmen bahawa Kerajaan pada hari ini akan terus membela nasib semua rakyat** tidak kira masa atau keadaan sekali pun. Biar apa pun **provokasi politik** dibuat oleh pihak-pihak tertentu, namun, **Kerajaan Perikatan Nasional di bawah pimpinan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin akan**

terus memfokuskan Kebajikan dan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat, terutamanya memulihkan ekonomi negara selepas Pasca COVID-19 kelak. Saya menyeru agar Tuan – tuan dan Puan – puan teruskanlah menyokong usaha Kerajaan Perikatan Nasional yang mendahulukan kepentingan rakyat dalam membawa Malaysia ke arah yang lebih sejahtera.

(G) UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

27. Pada kesempatan ini, saya ingin menzahirkan sekalung penghargaan buat rakan strategik YKN yang sudi berkongsi rezeki melalui pembayaran zakat perniagaan untuk diagihkan kepada tuan-tuan dan puan-puan di hadapan saya ini. Saya doakan semoga perniagaan mereka akan terus berkembang maju.

28. Saya juga ingin **merakamkan ucapan terima kasih Kepada Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang telah melapangkan masa hadir** pada pagi ini bagi menerima agihan zakat perniagaan rakan strategik YKN. Diharapkan dengan agihan zakat ini dapat membantu penyediaan keperluan sepanjang Ramadan dan memberi sinar keceriaan jua menjelang Aidilfitri kelak.
29. **Semoga rezeki yang dikongsi ini mengukuhkan solidariti kita sebagai Umat Islam yang saling bantu membantu demi kekuatan Ummah.**

(H) PENUTUP

30. Akhir kata, saya akhiri ucapan ini dengan pantun berikut:

**Kain Songket Panjang Berjela
Ditenun Indah Di Serambi Rumah
Zakat Dihulur Asnaf Terbela
Rezeki Dikongsi Menyatukan Ummah**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Sekian, terima kasih.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
16 APRIL 2021**